

**MASALAH KECICIRAN PELAJAR
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH:
KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH
ZON BAU-LUNDU**

**RICHI RICHARDSON
SABASTIAN SAKOL SENYAU**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SARAWAK**

SEPTEMBER 2001

PENGHARGAAN

Segala pujian dan kesyukuran kami ucapkan kepada Tuhan atas curahan kasih dan kepimpinannya sehingga tersiapnya kertas projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan laporan penyelidikan ini.

Tanpa bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta bantuan daripada kalian semua tidak mungkin penyelidikan ini akan berjaya sepenuhnya. Penghargaan ini ditujukan khas kepada:

1. En. Nicholas Amin, Pensyarah Penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Sarawak
2. En. Ellen Manium Engang Pengetua SMK Sematan
3. En. Bangawi Surey, Penolong Kanan HEM SMK Sematan
4. Pn. Jong Ah Moi, Pengetua SMK Bau
5. Cik Jaidah Binti Haji Alek, Pengetua SMK Lake
6. Encik Chan Kok Hui, Pengetua SMK Paku
7. En. Andrew Anem, Guru Bimbingan Dan Kaunseling SMK Sematan
8. Semua guru yang terlibat secara langsung sebagai responden
9. Semua pelajar yang terlibat sebagai responden

Akhir sekali, sekalung penghargaan juga diajukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kerja-kerja penyelidikan ini.

ABSTRAK

Penyelidikan ini secara umumnya bertujuan untuk membuat kajian ke atas masalah keciciran pelajar di sekolah-sekolah menengah zon Bau-Lundu. Kajian ini melibatkan beberapa pihak iaitu pengetua-pengetua, Penolong Kanan HEM, guru-guru dan juga pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Kajian ini merangkumi enam aspek atau faktor yang dijadikan tumpuan iaitu status sosio ekonomi, faktor dorongan, latar belakang, jangkaan guru dan ibu bapa, kemodenan dan keistimewaan ibu bapa.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKASURAT

PENGHARGAAN	i	
ABSTRAK	iii	
SENARAI JADUAL	v	
ISI KANDUNGAN	vi	
BAB		
1	PENGENALAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Skop Kajian	8
1.5	Hipotesis	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Kekangan Kajian	11
2	TINJAUAN LITERATURE	
2.1	Cabaran dan perubahan dalam pendidikan	12
2.2	Bersekolah sehingga Tingkatan 5	13
2.3	Kepentingan sekolah teknik dan vokasional	13
2.4	Kepentingan pendidikan vs. masalah keciciran	14
2.5	Pendidikan Masyarakat Lunbawang di Sarawak	15
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Populasi Kajian	16
3.2	Persampilan	16
3.3	Pengumpulan Data	17
3.4	Analisis Data	18

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bagi setengah-setengah negara yang maju seperti Amerika Syarikat dan Belanda, keciciran itu dianggap sebagai satu pembaziran. Sama ada kita melihatnya sebagai pembaziran atau tidak, bergantunglah kepada pandangan kita tentang matlamat-matlamat pendidikan dan kedudukan kita sebagai ahli politik, perancang, pendidik, majikan atau ibu bapa. Di negara kita keciciran dapat dilihat dari dua sudut. Pertama, ialah keciciran sengaja iaitu keciciran yang disebabkan oleh faktor-faktor sosio-ekonomi, penggerak, rangsangan, sikap dan lain-lain. Pelajar-pelajar ini boleh menghadiri sekolah tetapi memilih untuk tidak ke sekolah oleh sebab-sebab tadi. Kedua, ialah keciciran terpaksa iaitu ianya berlaku apabila seseorang pelajar itu gagal dalam peperiksaan dan terpaksa berhenti sekolah walaupun dia masih mahu ke sekolah dan berupaya berbuat demikian.

Terdapat juga pendapat umum yang disuarakan sekarang menyatakan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan keciciran itu bermacam-macam, contohnya kemiskinan hidup, kemiskinan sikap, kemungkinan keadaan sekolah di luar bandar, masalah guru, sistem naik darjah secara automatik, kesihatan, pergaulan, alam sekeliling dan sebagainya. Masalah keciciran adalah berterusan dan berpanjangan dan ianya akan